

Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

Setiap kanak-kanak di negara kita berhak mendapat pendidikan asas yang sempurna.

Sekolah anda telah mengadakan lawatan ke sebuah sekolah bagi kanak-kanak yang bermasalah dalam pembelajaran. Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang lawatan tersebut. Selaku setiausaha, anda diminta untuk menyediakan laporan tentang lawatan tersebut.

Tulis laporan itu selengkapnya. Gunakan isi-isi penting yang diberikan. **SP 3.3.1**

(KBAT) Menganalisis, Mencipta

[30 markah]

untuk memberikan pendedahan
masalah pendengaran
mendapat pendidikan
Program Pendidikan Khas Integrasi
susun suai gambar

dengan kanak-kanak istimewa
bakat masing-masing
memberikan persembahan
ke Sekolah Pendidikan Khas Budi Insan
empat orang guru pengiring

Laporan Lawatan ke Sekolah Pendidikan Khas Budi Insan

Pada hari Sabtu, 11 Mac 2019 yang lalu, Persatuan Bulan Sabit Merah Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Raja telah mengadakan lawatan (1) _____.

Lawatan ini disertai oleh 40 orang anggota persatuan dan (2) _____.

Objektif utama lawatan ini adalah (3) _____ kepada peserta tentang situasi yang dihadapi oleh murid yang mengalami (4) _____. Lawatan ini bertujuan juga untuk memberikan kefahaman kepada mereka bahawa kanak-kanak istimewa berhak untuk (5) _____. Selain itu, mereka dapat menjalinkan persahabatan dan memupuk sikap bekerjasama.

Kami tiba di sekolah tersebut pada pukul 9:30 pagi. Ketibaan kami disambut oleh Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas, Cikgu Zahid Kamal. Kami diberi penerangan yang ringkas oleh beliau sebelum dibawa melawat ke kelas (6) _____.

Banyak aktiviti yang dijalankan sepanjang kami berada di sana. Kami beramah mesra (7) _____ di sekolah ini. Kami mengajar mereka membuat origami, melukis, dan mewarnai corak batik, serta bermain (8) _____. Mereka ternyata begitu seronok dan gembira dengan kedatangan kami.

Aktiviti yang paling menarik ialah aktiviti penutup. Murid-murid istimewa ini telah menunjukkan (9) _____. Ada yang bernyanyi, menari, bermain alat muzik, mendeklamasikan sajak, dan berlakon. Walaupun mereka dilahirkan kurang sempurna, namun mereka berusaha untuk (10) _____ yang terbaik.

Kami banyak memperoleh ilmu dan pengalaman berharga daripada lawatan ini. Kami berharap agar aktiviti seumpama ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang.

Laporan disediakan oleh,

17 MAC 2019.

Farah Diba

(FARAH DIBA BINTI RAZALI)

Setiausaha, Persatuan Bulan Sabit Merah,
Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Raja.